

FENOMENA PENGULANGAN PENAGIHAN DADAH DALAM KALANGAN BANDUAN BELIA DI PENJARA PULAU PINANG

MOHD. IBRANI SHAHRIMIN ADAM ASSIM,
MOHAMAD FAUZI ABD. LATIB & MOHD. ROSLAN ROSNON

ABSTRAK

Kajian berfokus kepada permasalahan, faktor penyumbang serta atribusi sosial berkaitan pengulangan penagihan dadah dalam kalangan banduan belia Melayu di Penjara Pulau Pinang. Responden kajian merupakan banduan belia berbangsa Melayu yang sedang menjalani hukuman penjara di Penjara Pulau Pinang dan pernah mengalami pengulangan penagihan dadah. Kajian yang dilaksanakan ini akan cuba mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan responden kembali mengambil dadah semula setelah mengikuti program pemulihan di Penjara Pulau Pinang. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Seramai 10 orang belia yang merupakan banduan di Penjara Pulau Pinang dan berumur antara 21 tahun sehingga 40 tahun telah terlibat dalam kajian ini. Penemuan kajian ini mendapati antara faktor-faktor penyebab responden kembali mengambil dadah adalah ingatan responden pada dadah masih lagi kuat, hati tidak kuat untuk melawan keinginan terhadap dadah, belum wujud keinginan untuk berhenti dari mengambil dadah, sikap dan stigma masyarakat yang memandang negatif, ketiadaan pekerjaan dan wang untuk menampung kehidupan dan kembali bergaul dengan rakan-rakan yang masih lagi mengambil dadah. Cadangan program dan cadangan kajian akan datang dikemukakan berdasarkan kepada hasil penemuan dan analisis transkrip temu bual dengan responden belia penagih berulang.

Kata Kunci: *Belia, Pengulangan Penagihan Dadah, Banduan, Kerja Sosial, Atribut Psiko logikal*

ABSTRACT

The study focused on the problems, contributing factors and social attributions pertaining to the relapse of drug addictions among Malay youths in Pulau Pinang Prison. Respondents are Malay youth prisoners undergoing sentences at Pulau Pinang Prison. This study adopts a qualitative approach. A number of 10 youths ranging from age of 21 until 40 were involved in this study. The findings indicate that among the contributing factors towards relapse are the

strong memories of drug abuse, weaknesses on overcoming the urge towards drug-takings, the non-existence of desire to quit drug-takings, negative societal attitude and stigma, monetary and job in availability to maintain livelihood, and re-socializing with other drug abusers. Program suggestions and recommendations for further studies are stated based on the findings and analyses of in-depth interview transcripts of relapse drug-users among youths.

Keywords: *Youths, Drug Addiction Relapses, Prisoners, Social Work, Psychological Attributes*

PENGENALAN

Menurut perangkaan yang telah dikeluarkan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) pada tahun 1980, di dapati bahawa bilangan pengguna dadah yang telah dikesan dari tahun 1970 sehingga 1980 adalah sebanyak 55,240 orang (Taib, 2005). Bilangan ini semakin meningkat dari setahun ke setahun, terutamanya dalam kalangan belia yang bermasalah. Malah pada 19 Februari 1983, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah melancarkan Kempen Anti Dadah Peringkat Kebangsaan. Kempen ini, dadah telah diisytiharkan sebagai satu dari musuh utama negara (Fahmi, 1989). Dari data yang telah dikeluarkan oleh pihak Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) pada tahun 2006 turut menunjukkan bahawa data pengguna dadah terkumpul di Malaysia semenjak tahun 1988 sehingga 2005 memperlihatkan peningkatan sehingga mencatatkan seramai 289,763 orang pengguna dadah (Taib, 2005).

Perangkaan yang telah dikeluarkan oleh pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) menunjukkan bahawa dari jumlah pengguna dadah yang dikesan pada tahun 1983, 31.8 peratus terdiri daripada belia yang berada di dalam lingkungan umur 20 hingga 29 tahun. Pada tahun 2005 sahaja, 35.3 peratus daripada jumlah keseluruhan bilangan pengguna dadah yang telah dilaporkan adalah di kalangan mereka yang berusia di antara 20 hingga 29 tahun (Mohamed Ibrahim, 2004). Statistik ini jelas menunjukkan berlakunya peningkatan penglibatan golongan belia di dalam isu penagihan dadah. Dengan perangkaan yang diperlihatkan ini, nyatalah bahawa golongan yang sedang menghadapi risiko yang tinggi dalam penagihan dadah adalah pemuda-pemudi yang menjadi harapan nusa dan bangsa.

Menurut statistik Laporan Dadah Bulan Jun 2010 oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Pulau Pinang merupakan negeri yang kelima tertinggi berdasarkan pengesanan kes baru dan kes penagihan berulang. Namun,

bilangan pengguna dadah keseluruhan bagi tahun 2005 sahaja adalah seramai 32,808 orang. Seramai 15,389 adalah terdiri daripada pengguna dadah baru manakala seramai 17,419 orang adalah pengguna dadah berulang, di mana kebanyakan pengguna dadah baru adalah lelaki iaitu seramai 14,910 orang dan wanita pula seramai 479 orang. Bagi kes berulang pula, bilangan pengguna dadah lelaki adalah seramai 17,231, manakala wanita pula seramai 188 orang (Taib, 2005). Kajian kes laporan artikel ini hanya menekankan kepada analisis data penagih dadah sehingga tahun 2005 sahaja.

Selain itu, terdapat kaitan rapat antara penagihan dengan kejadian jenayah. Oleh kerana kehilangan keupayaan dan daya pemikiran untuk berusaha sendiri bagi mendapatkan sesuatu, pengguna dadah akan melakukan jenayah terutamanya yang berkaitan dengan harta benda seperti mencuri, merompak, memecah rumah dan sebagainya bagi mendapatkan wang untuk membeli dadah. Akibatnya, masyarakatlah yang menjadi sasaran tindakan jenayah mereka (Zakaria, 1994).

Pada keseluruhannya mengikut anggaran yang dibuat oleh pihak Jabatan Penjara Malaysia, kira-kira 60 peratus daripada jumlah kes jenayah yang berlaku ada hubungannya dengan dadah dan kira-kira 70 peratus dari jumlah banduan yang kini berada di penjara seluruh negara terdiri daripada mereka yang terlibat dengan kegiatan dadah (Zakaria, 1994). Ini menunjukkan pertalian yang rapat antara dadah dan jenayah. Jika masalah ini tidak dibanteras, aktiviti masyarakat akan terjejas dan membantutkan perkembangan ekonomi, politik, kebudayaan, agama dan seterusnya negara ini.

Penguatkuasaan undang-undang dengan hukuman yang berat telah lama dijalankan oleh pihak polis dan penjara bagi mencegah pengguna dadah baru dan pengguna berulang. Malah pelbagai bentuk model pemulihan dan teori-teori pemulihan telah diperkenalkan dan diguna pakai bagi memulihkan pengguna-pengguna dadah yang sedia ada (Taib, 1989). Semua usaha ini telah dilakukan oleh pihak kerajaan di dalam usaha memerangi dadah di seluruh negara. Walaupun pelbagai usaha telah dijalankan bagi memerangi pengaruh dadah, namun statistik negara tetap mencatatkan peningkatan ketara dalam bilangan pengguna dadah baru dan berulang (Mohamed Ibrahim, 2004).

Persoalannya, kenapakah bilangan pengguna dadah baru dan pengguna berulang dalam kalangan belia tetap tinggi setiap tahun? Apakah program pemulihan yang dijalankan di semua Pusat Serenti dan Penjara yang ada di seluruh negara tidak berkesan? Apakah yang telah dilakukan oleh kaunselor-kaunselor yang bertugas di Pusat-pusat Serenti dan Penjara? Melihat kepada

persoalan-persoalan inilah yang telah menyumbang kepada kepentingan kajian ini dilaksanakan. Justeru, laporan kajian ini meneliti dengan lebih mendalam persoalan-persoalan berkaitan isu penagihan dadah berulang di kalangan belia sebagai pengguna dadah, termasuklah faktor-faktor yang mendorong seseorang belia pengguna dadah itu kembali menggunakan dadah setelah menjalani program pemulihan di Penjara Pulau Pinang.

PROFIL PENAGIHAN DADAH DI MALAYSIA

Mengikut Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM, 2006), dari tahun 1988 sehingga 2005, pengguna dadah terkumpul di Malaysia adalah seramai 289,763 orang. Pada tahun 2005 sahaja (Jadual 1), bilangan pengguna dadah keseluruhan adalah seramai 32,808 orang, di mana bilangan pengguna dadah baru adalah seramai 15,389 orang dan seramai 17,419 orang pengguna dadah berulang (AADK, 2006).

Jadual 1 : Jumlah Pengguna Dadah Negara Tahun 2005 dan Taburan mengikut Negeri

Statistik Januari – Disember 2005 TABURAN PENAGIH MENGIKUT NEGERI			
	BARU	BERULANG	JUMLAH
Johor	2181	1729	3910
Kedah	1215	1391	2606
Kelantan	1533	981	2514
Melaka	274	376	650
Negeri Sembilan	312	448	760
Pulau Pinang	2227	4176	6403
Pahang	780	883	1663
Perak	1465	1875	3340
Perlis	191	127	318
Sabah	1640	494	2134
Sarawak	598	71	669
Selangor	1142	1420	2562
Terengganu	182	174	356
WP Kuala Lumpur	1642	3264	4906
WP Labuan	7	10	17
JUMLAH	15,389	17,419	32,808

Sumber : Agensi Anti Dadah Kebangsaan, 2010.

Jadual 1 ini juga, dilihat pada tahun 2005 Negeri Pulau Pinang telah mencatatkan jumlah pengguna dadah berulang yang paling tinggi iaitu seramai 4,176 orang berbanding dengan negeri-negeri lain (AADK, 2006). Peratusan jumlah penagih pada tahun 2005 mengikut kes pula, di dapati bilangan pengguna dadah berulang adalah seramai 17,419 orang atau 53.09%, manakala bilangan pengguna dadah baru pula seramai 15,389 orang atau 46.91%. Jadual 2 di bawah menunjukkan jumlah dan peratusan pengguna dadah yang telah dikesan pada tahun 2005 sahaja mengikut status kes (AADK, 2006).

**Jadual 2 : Jumlah Pengguna Dadah Negara Tahun 2005
Mengikut Status Kes**

JUMLAH PENAGIH MENGIKUT STATUS KES			
	BIL.	%	PURATA SEBULAN
Baru	15389	46.91%	1283
Berulang	17419	53.09%	1452
JUMLAH	32808	100.00%	2735

Sumber: Agensi Anti Dadah Kebangsaan, 2010.

Berdasarkan kepada jantina, di dapati bilangan pengguna dadah lelaki berulang adalah seramai 17,231 orang manakala pengguna dadah wanita berulang pula seramai 188 orang. Jadual 3 di bawah menunjukkan bilangan pengguna dadah yang telah dikesan pada tahun 2005 sahaja di seluruh Malaysia mengikut jantina (AADK, 2006).

**Jadual 3: Profil Pengguna Dadah Negara Tahun 2005
Mengikut Jantina**

PROFIL PENAGIH MENGIKUT JANTINA TAHUN 2005			
	BARU	BERULANG	JUMLAH
Lelaki	14910	17231	32141
Perempuan	479	188	667
JUMLAH	15389	17419	32808

Sumber: Anti Dadah Kebangsaan, 2010.

Dari segi bangsa pula, didapati bilangan pengguna dadah berbangsa Melayu merupakan bilangan yang paling tinggi sekali jika dibandingkan dengan bangsa-bangsa lain yang terdapat di Malaysia iaitu seramai 22,344 orang yang meliputi bilangan pengguna dadah berulang dan baru. Bangsa Melayu juga dilihat paling ramai terlibat dalam penggunaan dadah secara berulang iaitu seramai 11,723 orang. Jadual 4 di bawah menunjukkan bilangan pengguna dadah baru dan berulang mengikut bangsa yang telah dikesan pada tahun 2005 sahaja di seluruh Malaysia (AADK, 2006).

**Jadual 4 : Profil Pengguna Dadah Negara Tahun 2005
Mengikut Bangsa**

PROFIL PENAGIH MENGIKUT BANGSA TAHUN 2005			
	BARU	BERULANG	JUMLAH
Melayu	10621	11723	22344
Peribumi Sabah	867	355	1222
Peribumi Sarawak	94	28	122
Cina	2000	3131	5131
India	1208	2020	3228
Lain-lain Bangsa	503	159	662
Warga Asing	96	3	99
JUMLAH	15389	17419	32808

Sumber: Agensi Anti Dadah Kebangsaan, 2010.

Dari segi umur pula, didapati pengguna dadah yang berumur antara lingkungan 20 tahun sehingga 40 tahun mencatatkan bilangan yang paling tinggi jika dibandingkan dengan umur-umur yang lain. Lingkungan umur tersebut juga didapati mencatatkan bilangan pengguna dadah baru serta berulang yang tertinggi. Jadual 5 di bawah menunjukkan bilangan pengguna dadah baru dan berulang mengikut lingkungan umur yang telah dikesan pada tahun 2005 sahaja di seluruh Malaysia (Agensi Anti Dadah Kebangsaan, 2010).

**Jadual 5 : Profil Pengguna Dadah Negara Tahun 2005
Mengikut Umur Ketika Dikesan**

PROFIL PENAGIH MENGIKUT UMUR KETIKA DIKESAN TAHUN 2005			
	BARU	BERULANG	JUMLAH
< 13 tahun	00	0	
13-15 tahun	82	0	82
16-17 tahun	312	7	319
18-19 tahun	909	47	956
20-24 tahun	4018	1080	5098
25-29 tahun	3617	2878	6495
30-34 tahun	2472	3573	6045
35-39 tahun	1509	3277	4786
40-44 tahun	889	2834	3723
45-49 tahun	535	2108	2643
50-54 tahun	253	1051	1304
55-60 tahun	100	360	460
> 60 tahun	24	57	81
Tiada Maklumat	669	147	816
JUMLAH	15389	17419	32808

Sumber: Agensi Anti Dadah Kebangsaan, 2010.

FAKTOR-FAKTOR PENGULANGAN PENAGIHAN DADAH

Usaha pemulihan penagihan dadah sememangnya merupakan suatu cabaran bagi para saintis khususnya ahli-ahli psikologi, kaunselor psikiatri dan pekerja sosial masa kini. Pelbagai pendekatan telah dicuba seperti memberi dadah gantian (Kirby & Lamb, 1995), latihan ala ketenteraan, rawatan homeopati, pemulihan kerohanian dan penyucian spiritual (Mahmood, Shuib & Ismail, 1998), modifikasi tingkah laku (Monti & Rohsenow, 1997), pemulihan psikososial (Callaghan, Benton & Bradley, 1995), psikoterapi dan pelbagai yang lain. Namun demikian, tiada satu pun yang memberi jaminan pemulihan yang mutlak daripada gejala penagihan.

Kegagalan bekas pengguna dadah untuk mengubah cara hidup belum lagi benar-benar difahami kerana wujudnya begitu banyak faktor yang mendorong kepada penagihan semula (relapse) ataupun yang membantu mereka untuk

mengekalakan kehidupan yang bebas daripada dadah. Ada pengguna dadah yang bertindak dengan berlainan cara kepada satu punca tekanan yang dihadapi seperti dorongan rakan sebaya (Zakaria, 1994). Mahmood, Shuib dan Lasimon (1999) mengenal pasti faktor seperti pengaruh rakan sebaya, perasaan rindu kepada dadah, masalah keluarga, tidak mahu kembali pulih, masalah peribadi, disisih oleh ahli masyarakat dan mudah mendapat bekalan sebagai antara pendorong kepada penagihan semula di kalangan bekas penghuni pusat serenti.

Menurut Habil dan Mohd (2003), antara faktor- faktor penyebab kepada berlakunya pengulangan penagihan adalah pengaruh rakan-rakan, perasaan rindu kepada dadah, tekanan keluarga, diskriminasi dari masyarakat, tiadanya peluang pekerjaan dan tidak mahu berhenti menagih. Hasbullah (1988) pula menyenaraikan antara sebab kepada pengambilan semula dadah setelah keluar dari pusat pemulihan adalah perasaan rindu kepada dadah, masih tidak mahu berhenti menagih, ajakan rakan-rakan lama yang masih menagih, disisih oleh keluarga dan masyarakat serta tidak bekerja.

METODOLOGI

Lokasi dan Persampelan

Penyelidik telah memilih banduan-banduan belia lelaki yang berbangsa Melayu dan sedang menjalani hukuman penjara di Penjara Pulau Pinang di atas kes penagihan dadah sebagai sampel kepada penyelidikan ini. Penyelidik hanya memilih banduan belia lelaki kerana lebih mudah untuk ditemu bual berbanding dengan banduan belia wanita yang memerlukan kawalan yang agak ketat jika proses temu bual hendak dilakukan di penjara. Selain itu, jika dilihat kepada statistik penagihan dadah yang dikeluarkan oleh PEMADAM bagi tahun 2005, bilangan pengguna dadah wanita adalah jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan bilangan pengguna dadah belia lelaki. Seterusnya, penyelidik hanya memilih banduan yang berbangsa Melayu sahaja sebagai sampel kerana bilangan banduan Melayu yang terlibat dengan kes pengulangan penggunaan dadah adalah sangat tinggi di Penjara Pulau Pinang jika dibandingkan dengan banduan yang berbangsa Cina, India dan lain-lain bangsa. Penyelidik juga telah memilih sampel dari Penjara Pulau Pinang di atas sebab Penjara Pulau Pinang merupakan salah satu daripada 30 buah penjara yang ada di seluruh Malaysia di mana pengguna dadah yang tegar boleh ditemui di penjara tersebut. Banduan Melayu yang dipilih sebagai sampel adalah berumur di antara 21 tahun sehingga 40 tahun. Bilangan banduan yang setuju untuk ditemu bual adalah seramai 10 orang dan pendekatan kajian ini adalah

berbentuk kualitatif, bilangan sampel yang tinggi tidak diperlukan seperti kaedah penyelidikan kuantitatif. Metodologi atau kaedah dalam kualitatif ini bukanlah untuk tujuan generalisasi, sebaliknya bertujuan untuk mendalami kes dengan kekayaan data melalui kaedah temu bual mendalam. Dengan sebab itu, bilangan 10 orang responden sudah mencukupi untuk mengetahui tema-tema kajian seperti faktor-faktor mula mengambil dadah dan faktor-faktor kembali mengambil dadah semula.

Reka bentuk Penyelidikan

Dalam kajian yang dilakukan ini, penyelidik menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dengan reka bentuk ‘grounded theory’. Ini kerana melalui kaedah ini, penyelidik merasakan bahawa ianya lebih bersesuaian untuk memperoleh data yang diperlukan bagi menjawab persoalan kajian ini. Menurut Othman (2009), dalam kajian kualitatif yang berbentuk ‘grounded theory’, penyelidik pergi ke lapangan dengan fikiran terbuka tanpa berpegang kepada apa-apa teori tetapi mempunyai pengetahuan tentang kajian-kajian terdahulu yang berkaitan. Kajian yang berasaskan ‘grounded theory’ kebiasaannya tidak memerlukan model atau teori yang khusus untuk memandu kerangka konseptual kajian, tetapi dalam masa yang sama, ianya juga dijangka tidak akan mengurangkan keutuhan akademik dan nilai saintifik kajian tersebut.

Alatan Penyelidikan

Oleh kerana kajian yang dijalankan ini berbentuk kualitatif, maka alat yang akan digunakan di dalam menjalankan kajian ini adalah dengan melakukan temu bual mendalam (in-depth interview) bagi memperoleh maklumat dengan lebih banyak dan mendalam daripada banduan yang terlibat dengan pengulangan penggunaan dadah. Melalui temu bual mendalam dengan banduan-banduan yang terlibat dengan fenomena pengulangan penggunaan dadah, pengkaji akan dapat melihat dunia dari kaca mata mereka.

Analisis Data

Data-data primer yang diperlukan dalam kajian ini akan dikumpulkan secara berperingkat-peringkat. Set pertama data yang telah dikumpulkan akan dianalisis berdasarkan kepada persoalan kajian. Kemudian pengumpulan data yang kedua dibuat berasaskan kepada keputusan analisis yang dibuat. Data yang diperoleh kemudiannya dianalisis kembali bagi mengenal pasti tema-tema berkaitan objektif dan persoalan kajian. Segala maklumat yang diperoleh hasil temu bual dengan responden ditulis dalam bentuk transkrip tanpa mengubah

apa-apa perkataan atau dialek yang dikemukakan oleh setiap responden. Walau bagaimanapun, pengekodan data dari responden adalah mengambil kira hak kerahsiaan dan persetujuan dari setiap responden itu sendiri.

Data yang telah dikumpulkan dianalisis secara manual setiap kali selepas satu sesi temu bual diambil bagi setiap responden. Proses analisis tersebut akan melihat kepada tema-tema atau konsep-konsep yang muncul daripada setiap responden. Kaedah ini dikenali sebagai 'constant comparative method' di mana maklumat yang diperolehi akan disaring sehingga menemui tema tertentu yang dikemukakan oleh seorang responden dan pengkaji akan membezakannya dengan tema tertentu yang dikemukakan oleh responden yang lain. Setelah itu, setiap dari kategori data akan dianalisis secara melintang bagi mengenal pasti tema yang mempunyai persamaan dan akan dikelompokkan sebagai satu tema yang sama. Apabila tema-tema yang muncul itu diperolehi, ianya akan dianalisis mengikut persoalan dan objektif kajian.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil temu bual yang telah diperolehi daripada 10 orang responden berkaitan faktor-faktor yang menyebabkan seseorang itu kembali mengambil dadah semula, dapatlah dirumuskan seperti di Jadual 6.

Jadual 6 : Faktor-faktor Penyebab Seseorang Kembali Mengambil Dadah Semula

Responden	Faktor Kembali Mengambil Dadah Semula
Responden 1	1. Diri sendiri tidak ada keinginan hendak berhenti 2. Tidak boleh melupakan lagi heroin ini 3. Hati tidak kuat hendak melawan keinginan pada heroin 4. Tertekan dengan hidup selepas keluar dari penjara dulu 5. Tidak ada pekerjaan apabila keluar dari Pusat Serenti atau penjara 6. Bila ada pekerjaan dan mendapat duit

Responden 2	1. Hati sendiri tidak kuat 2. Tidak ada bimbingan agama 3. Tidak ada langsung niat hendak berhenti 4. Masih teringat pada heroin lagi 5. Mudah mengikut dan mendengar cakap kawan-kawan 6. Tidak berani hendak mengelak dari kawan-kawan yang masih menagih 7. Tidak pernah mendapat kasih-sayang ibu dan bapa menyebabkan hidup tertekan 8. Ada kerja dan ada duit
Responden 3	1. Masih teringat lagi keseronokan apabila menghisap heroin dulu 2. Hati tidak kuat hendak berhenti 3. Masyarakat tidak boleh menerima 4. Tidak ada pun niat hendak berhenti menghisap dadah 5. Tidak ada kerja dan tidak ada duit 6. Ada kerja dan ada duit 7. Heroin masih ada dalam pasaran
Responden 4	1. Hati masih tidak kuat hendak lawan keinginan untuk mengambil heroin semula 2. Masih teringat dan teringin hendak merasa heroin lagi 3. Keinginan hendak berhenti terus belum kuat lagi 4. Ada duit
Responden 5	1. Tidak mahu berhenti kerana kecewa dalam hidup 2. Masih teringin hendak mengambil dadah lagi 3. Masyarakat tidak boleh menerima
Responden 6	1. Masih teringat dan teringin hendak merasa dadah lagi 2. Hati masih tidak kuat hendak melawan keinginan untuk mengambil dadah semula 3. Keinginan hendak berhenti masih lemah 4. Sudah biasa mencari duit dahulu dengan mencuri dan menjual heroin 5. Tidak ada kerja dan tidak mempunyai duit 6. Mempunyai duit
Responden 7	1. Masih teringat lagi hendak menghisap heroin 2. Hati tidak kuat untuk melawan keinginan kepada dadah 3. Masih belum mahu berhenti lagi 4. Berkawan semula dengan kawan-kawan lama yang masih menghisap dadah 5. Masyarakat tidak boleh menerima 6. Tidak ada kerja dan tidak mempunyai duit 7. Mempunyai duit

Responden 8	1. Pegangan hati masih tidak kuat 2. Masih teringat lagi hendak menghisap heroin semula 3. Keinginan hendak berhenti tidak ada lagi 4. Sikap masyarakat 5. Tidak ada kerja dan tidak mempunyai duit 6. Mempunyai duit
Responden 9	1. Masih teringat lagi kepada heroin. 2. Pegangan hati masih tidak kuat. 3. Keinginan hendak berhenti ada tapi tidak kuat. 4. Bila ada duit
Responden 10	1. Tidak mempunyai sebarang rancangan, matlamat dan tujuan hidup apabila keluar dari penjara 2. Hati ini masih tidak kuat untuk melawan pengaruh dan ingatan pada heroin 3. Masih teringat pada heroin lagi 4. Keinginan hendak berhenti belum kuat 5. Adanya duit di tangan

Hasil temu bual yang mendalam ke atas kesemua sepuluh (10) orang responden kajian ini, mendapati bahawa terdapat dua faktor unik yang telah menyebabkan responden-responden ini sering kembali mengambil dadah setiap kali keluar dari penjara setelah mengikuti program pemulihan. Faktor unik yang pertama adalah mereka tidak boleh melupakan saat-saat mengambil dadah dahulu atau dalam erti kata yang lain mereka sering dan masih lagi teringat pada dadah. Kesemua mereka menyatakan sebegini. Mereka masih lagi 'rindu' dan teringat pada keseronokan dan kekhayalan yang pernah dirasai semasa mengambil dadah. Mereka sering teringat akan hal tersebut bukan hanya setelah mereka keluar dari penjara tetapi semasa di dalam penjara. Hal ini dinyatakan oleh mereka sendiri. Seperti misalan yang diberikan oleh salah seorang responden, jika seseorang itu pernah merasai betapa enakannya isi buah durian, pasti ingin merasai lagi keenakannya apabila sampai musimnya. Begitulah halnya juga dengan dadah. Kesemua responden telah pun bertahun-tahun mengambil dadah. Mereka telah pun merasai bagaimana rasanya apabila khayal disebabkan oleh dadah. Mereka telah pun merasai betapa seronoknya bila diri mereka berada dalam keadaan 'stim' setelah mengambil dadah. Menurut kesemua responden, ingatan pada dadah sentiasa datang di dalam fikiran sama ada sedang berada di dalam penjara sewaktu menjalani program pemulihan mahupun setelah keluar dari penjara. Inilah yang telah menyebabkan kesemua mereka sering kembali mengambil dadah setelah mereka dibebaskan dari penjara.

Pengulangan penagihan turut terjadi akibat dipaksa menjalani program pemulihan bukan atas kerelaan hati responden sendiri. Responden terpaksa mematuhi dan mengikuti semua program yang telah diatitkan buat mereka di penjara. Apabila terpaksa mengikuti program pemulihan tanpa kerelaan hati, maka kesemua aktiviti yang diikuti tidak memberikan sebarang kesan atau kesedaran kepada mereka. Apabila tiadanya kesedaran di dalam jiwa mereka, mereka akan tetap teringat pada keseronokan dan kekhayalan yang pernah dirasai semasa mengambil dadah. Maka, setelah dibebaskan dari penjara dan menjalani kehidupan mereka sendiri kesemua mereka kembali mengambil dadah semula. Faktor-faktor sampingan seperti kembali berkawan dengan kawan-kawan yang masih menagih; disebabkan kesunyian apabila ahli masyarakat menyisihkan diri; kembali melakukan kerja-kerja jenayah seperti mencuri akibat tidak memperoleh sebarang pekerjaan setelah dibebaskan dari penjara dan kembali mengambil dadah semula setelah memperoleh duit kesemuanya adalah berpunca dari keinginan dan ingatan yang masih tebal terhadap dadah. Faktor-faktor sampingan ini nyata mempunyai pengaruh yang kuat pada ingatan dan keinginan diri lalu akhirnya kembali mengambil dadah semula.

Faktor unik yang kedua yang dinyatakan oleh semua responden yang mana telah menyebabkan mereka semua kembali mengambil dadah setelah keluar dari penjara berulang-ulang kali adalah hati mereka masih belum kuat untuk melawan keinginan dan kerinduan pada dadah. Seperti yang telah dinyatakan di atas, ingatan dan keinginan untuk merasai dadah kembali sentiasa menghantui kesemua responden setiap hari. Ingatan dan keinginan hendak merasai sekali lagi dadah masih kuat di dalam jiwa mereka. Setelah dibebaskan ingatan dan keinginan ini masih datang mengganggu jiwa mereka hampir setiap masa. Bagi mereka yang kuat pendirian dan hatinya, tidak akan kembali mengambil dadah semula. Tetapi bagi mereka-mereka yang lemah pendirian dan hatinya, lama-kelamaan mereka akan kembali semula mengambil dadah. Jika dirujuk kembali pada bahagian hasil penemuan, di dapati bahawa ke semua responden menyatakan bahawa disebabkan hati mereka yang masih belum kuat untuk melawan pengaruh dan ingatan pada dadah telah menyebabkan mereka semua kembali mengambil dadah setelah keluar dari penjara. Bila disoal dengan lebih mendalam berkaitan hati mereka yang masih lemah hingga tidak mampu melawan ingatan dan keinginan untuk merasai dadah sekali lagi, didapati bahawa ianya mempunyai kaitan dengan isu kesedaran dan keinginan untuk berhenti dari mengambil dadah lagi. Pengkaji mendapati bahawa jika kesemua responden mempunyai kesedaran yang tinggi dan keinginan untuk berhenti yang mantap dan teguh, hati kesemua mereka akan mampu untuk melawan kesemua ingatan dan keinginan untuk merasai

dadah kembali. Akan tetapi, apa yang berlaku adalah hampir sebahagian besar responden yang ditemu bual menyatakan bahawa mereka belum mempunyai keinginan untuk berhenti. Hanya beberapa orang responden sahaja yang menyatakan bahawa mereka ingin berhenti tetapi masih belum 100% mantap. Mereka ingin berhenti tetapi keinginan itu hanyalah 60% baru. Ada pula yang baru 40% ingin berhenti. Selebihnya masih ada keinginan untuk merasai lagi dadah apabila keluar dari penjara nanti.

Masalah yang dapat dikesan oleh pengkaji hasil temu bual yang telah dijalankan adalah kesemua responden dahulunya tidak mendapat kesedaran dari kesemua aktiviti yang telah mereka ikuti selama menjalani hukuman penjara dan program pemulihan di Penjara Pulau Pinang. Ini adalah kerana seperti yang telah dinyatakan oleh responden pertama di atas bahawa mereka semua masuk ke Penjara Pulau Pinang menjalani program pemulihan bukan atas kerelaan hati mereka. Mereka terpaksa masuk dan mengikuti semua program yang telah diatitkan buat mereka. Apabila terpaksa mengikuti program pemulihan tanpa kerelaan hati, maka kesemua aktiviti yang mereka ikuti tidak memberikan sebarang kesan atau kesedaran kepada mereka.

Selain dua faktor terbesar di atas, terdapat beberapa lagi faktor sampingan yang telah menyebabkan responden-responden kajian ini berulang kali kembali mengambil dadah setelah keluar dari penjara. Antaranya enam orang responden menyatakan bahawa selain dua faktor utama di atas, penyebab yang telah menyebabkan mereka berulang kali mengambil dadah semula adalah mereka belum ada keinginan untuk berhenti lagi. Manakala empat orang responden pula menyatakan bahawa mereka mempunyai keinginan untuk berhenti tetapi keinginan tersebut tidak begitu kuat di mana akhirnya mereka tewas dengan keinginan hendak merasai dadah kembali. Kedua-dua faktor sampingan ini telah pun dijelaskan dan dibincangkan di bahagian atas. Kedua-dua faktor ini memainkan peranan yang besar terhadap kekuatan hati seseorang bekas pengguna dadah sama ada dia akan kembali mengambil dadah ataupun meneruskan hidup tanpa pergantungan kepada dadah.

Selain itu, faktor mempunyai duit juga telah menyebabkan kesemua responden berulang kali kembali mengambil dadah setelah keluar dari penjara. Seperti yang telah dibincangkan dalam perbincangan mengenai faktor terbesar yang pertama di atas, faktor mempunyai duit ini hanya merupakan faktor sampingan sahaja yang telah menyebabkan kesemua responden berulang kali kembali mengambil dadah. Adanya sedikit sumber kewangan, ingatan responden akan tertumpu pada dadah dan akibatnya keinginan untuk merasai dadah semula akan semakin kuat.

Faktor sampingan yang seterusnya adalah sikap masyarakat yang sering memandang buruk kepada penagih dadah dan bekas penagih dadah. Terdapat empat orang responden menyatakan bahawa mereka kembali mengambil dadah setelah dibebaskan disebabkan oleh tekanan yang dialami dari sikap masyarakat yang memandang buruk pengguna dadah dan bekas pengguna dadah serta menyisihkan mereka. Menurut responden ketiga, jiwa pengguna dadah dan bekas pengguna dadah terutamanya sangat sensitif. Tidak boleh langsung terasa hati. Sekiranya terasa hati dengan kata-kata atau perbuatan seseorang, mereka mudah patah hati dan semangat. Perasaan sensitif inilah yang telah memudahkan responden untuk kembali mengambil dadah semula.

Seterusnya terdapat lima orang responden menyatakan bahawa antara faktor sampingan lain yang telah menyebabkan mereka berulang-kali mengambil dadah setelah keluar dari penjara adalah tiadanya pekerjaan dan wang untuk menampung kehidupan. Kita semua sedia maklum bahawa seseorang yang pernah menjadi pengguna dadah dan pernah dipenjarakan adalah susah untuk orang itu mendapatkan pekerjaan. Setelah keluar dari penjara atau Pusat Serenti seseorang bekas pengguna dadah memerlukan pekerjaan untuk menampung perbelanjaan hidupnya seharian. Akan tetapi bagi kebanyakan bekas pengguna dadah adalah sukar untuk mereka memperoleh pekerjaan. Apabila mereka susah untuk mendapatkan sebarang pekerjaan, mereka akan melakukan apa saja asalkan boleh memperoleh wang. Mereka akan kembali melakukan kerja-kerja jenayah yang pernah dilakukan semasa menjadi pengguna dadah dahulu. Mereka akan kembali berkawan dengan rakan-rakan mereka yang masih menjadi pengguna dadah untuk bersama-sama melakukan kerja-kerja jenayah. Apabila mereka kembali berkawan dan melakukan kerja-kerja lama mereka, lama-kelamaan mereka akan kembali mengambil dadah semula disebabkan ajakan kawan-kawan ataupun ketidakmampuan mereka melawan keinginan untuk merasai dadah kembali.

Menurut responden ketiga, apabila keluar dari penjara atau Pusat Serenti beliau selalu cuba untuk membina kehidupan yang baru. Beliau ingin berhenti dari mengambil dadah kembali dan membina sebuah keluarga. Maka untuk mencapai impian dan azamnya, beliau memerlukan pekerjaan bukan sahaja untuk mencapai impiannya bahkan untuk menampung perbelanjaan sehariannya. Akan tetapi menurut beliau, adalah sukar untuk memperoleh sebarang pekerjaan apabila pernah dipenjarakan. Setelah puas mencuba namun tidak juga berjaya memperoleh sebarang pekerjaan disebabkan orang ramai tidak mempercayai seorang bekas pengguna dadah. Akhirnya, cara paling mudah untuk mendapatkan wang bagi membiayai kehidupan seharian adalah dengan pergi berjumpa kawan-kawan lama yang masih menggunakan dadah

dan mula mengikut melakukan kerja-kerja mencuri atau meragut. Dengan cara tersebut barulah beliau memperoleh duit untuk membeli makanan dan barang-barang keperluan yang lain. Setelah beliau mula bergaul kembali dengan kawan-kawan yang masih menggunakan dadah lama-kelamaan beliau kembali menggunakan dadah semula. Pada masa yang sama, beliau turut menjual dadah secara kecil-kecilan bagi memperoleh duit.

Akhir sekali terdapat dua orang responden menyatakan bahawa mereka kembali mengambil dadah setelah keluar dari penjara disebabkan oleh pengaruh kawan-kawan. Hal ini telah pun dihuraikan oleh pengkaji di bahagian atas. Setelah mereka keluar dari penjara dan tidak memperoleh sebarang pekerjaan, mereka telah pergi berjumpa dengan kawan-kawan mereka yang masih lagi menggunakan dadah. Tujuan mereka berjumpa dengan kawan-kawan mereka adalah untuk pergi melakukan kerja-kerja jenayah bagi memperoleh wang untuk menampung kehidupan seharian mereka.

Itulah antara faktor-faktor yang telah dikenal pasti oleh pengkaji melalui temu bual yang dijalankan terhadap 10 orang belia sebagai responden kajian. Seperti yang telah pengkaji nyatakan di awal perbincangan, terdapat dua faktor besar yang telah menyebabkan kesemua belia kajian ini sering jatuh kembali mengambil dadah setelah dibebaskan dari penjara. Dua faktor tersebut adalah pertamanya, masih terdapat ingatan dan keinginan dalam diri setiap responden terhadap dadah dan yang keduanya, hati setiap responden masih tidak kuat dan mantap untuk melawan semua ingatan dan keinginan terhadap dadah. Lain-lain faktor yang telah dinyatakan oleh responden seperti yang telah dibincangkan di sini bagi pengkaji hanyalah faktor-faktor sampingan sahaja. Dan setakat ini pengkaji belum lagi menemui mana-mana kajian yang telah dilakukan di dalam isu yang sama dengan kajian ini bagi menyokong penemuan tersebut.

CADANGAN PROGRAM PENAMBAHBAIKAN

Hasil dari temu bual yang telah dijalankan terhadap sepuluh orang belia sebagai responden kajian, pengkaji telah dapat mengenal pasti punca-punca yang menyebabkan pengulangan penagihan dadah dalam kalangan banduan Melayu di Penjara Pulau Pinang. Berdasarkan kepada penemuan ini, adalah dicadangkan agar pendekatan berikut diambil kira untuk pertimbangan dalam cadangan program-program pembangunan belia yang bermasalah, terutamanya berkaitan dengan pengulangan penagihan dadah mengikut tatacara dan pendekatan kerja sosial klinikal yang lebih berkesan:

Pengurangan Aktiviti-aktiviti Berbentuk Perbuatan

Aktiviti-aktiviti yang berbentuk perbuatan dan tidak ada kaitan langsung dalam mewujudkan kesedaran serta kekuatan kepada diri dan hati banduan yang terlibat dengan penggunaan dadah sama ada yang berulang-ulang kali masuk ke dalam penjara ataupun yang pertama kali haruslah dikurangkan. Seharusnya kaedah dan pendekatan rawatan pemulihan di Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) dijadikan asas utama kepada program pendekatan pemulihan di penjara.

Memperbanyakkan Aktiviti Berbentuk Percakapan dan Perkongsian Perasaan Melalui Kaedah Aplikasi Kerja Sosial Klinikal

Antara aktiviti-aktiviti yang boleh dilaksanakan oleh pegawai pemulihan adalah sesi kaunseling, kerja kumpulan, sesi ceramah dan sesi perkongsian pengalaman dengan bekas-bekas pengguna dadah yang telah berjaya berhenti. Melalui aktiviti-aktiviti seperti ini, banduan-banduan boleh meluahkan perasaan, permasalahan dan berkongsi pendapat serta pengalaman dengan pegawai pemulihan dan rakan-rakan yang senasib dengan mereka.

Mewujudkan Pusat Khidmat Harian atau ‘Drop-In-Center’

Mewujudkan satu Pusat Khidmat Harian atau ‘Drop-In-Center’ di luar penjara. Hal ini kerana setakat hari ini apabila seseorang banduan dibebaskan ada di antara mereka yang tidak tahu ke mana arah tujuan mereka. Mereka tidak tahu apa yang hendak dilakukan, di mana mereka hendak tidur, bagaimana mereka hendak mendapat makanan dan bermacam-macam perkara lagi. Sekiranya ada sebuah Pusat Khidmat Harian, setelah mereka dibebaskan mereka boleh pergi ke Pusat Khidmat Hari tersebut dahulu untuk memulakan kembali kehidupan mereka.

CADANGAN KAJIAN AKAN DATANG

Berdasarkan kepada cadangan-cadangan program dan hasil analisis penemuan kajian, adalah disarankan bahawa penyelidikan akan datang mengambil kira kesesuaian reka bentuk kuantitatif dalam melihat perkaitan secara empirikal dan statistik, dalam usaha menentukan kebarangkalian hubungan signifikan perkaitan di antara variabel berorientasikan psikologi penagih dalam kalangan belia, dengan domain-domain psikososial program-program pemulihan. Justeru, pembangunan perancangan pemulihan belia bermasalah akan menjadi lebih konstruktif dan tuntas dalam memperkasakan pendekatan pemahaman psiko-dinamik penagih mengulang dalam kalangan belia di Malaysia.

BIBLIOGRAFI

- Agensi Anti Dadah Kebangsaan. 2010. *Laporan Dadah Jun 2010*. Kuala Lumpur: Penerbit Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan, Agensi Anti Dadah Kebangsaan. Kementerian Dalam Negeri Malaysia.
- Callaghan, M., Benton, S. & Bradley, F. 1995. *Implementing a drug prevention program: a comparative case study of two rural schools*. *Journal of Youth and Adolescent*. 41(1), 149-158.
- Fahmi, K. 1989. *Mencegah berbagai pengaruh dadah*. Kuala Lumpur: Penerbit 'Asa.
- Habil, H. & Mohd, M.A. 2003. *Penyalahgunaan dadah: hidup tak bererti maut menanti*. Selangor: Dawama Sdn. Bhd.
- Hasbullah, H. H. 1988. *Kehidupan manusia terancam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kirby, K. C. & Lamb, R. J. 1995. *Situations occasioning cocaine use and cocaine abstinence strategies*. *Journal of Drug Issues*, Spring, 30(2), 45-55.
- Mahamood. Y. 1989. *Mengenali dadah dan kesannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mahmood, N. M., Shuib, C.D. & Lasimon, M. 1999. *Psychosocial determinants of relaps amongst psychoactive drug addicts*. Unpublished Research Report, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah
- Mahmood, N. M., Shuib, C. D. & Ismail, I. 1998. *Keberkesanan rawatan dan pemulihan dadah: modaliti kerohanian dan tradisional malaysia*. Laporan Akhir Penyelidikan, Universiti Utara Malaysia.
- Monti, P. M. & Rohsenow, D. J. 1997. *Brief coping skills treatment for cocaine abuse: substance use outcomes at three months*. *Addiction*, 92(12), 1717-1729.
- Mohamed Ibrahim, M.I. 2004. *Mengenali dadah dan bahayanya kepada masyarakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mustafa, M. 1992. *Dadah: Apa anda perlu tahu*. Kuala Lumpur: Penerbit Delmu (M) Sdn. Bhd.
- Othman, L. 2009. *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metodologi*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Taib, A.G. 2005. *Bersama perangi dadah*. Kuala Lumpur: Penerbit Sri Kenanga Sdn. Bhd.
- Taib, A.G. 1989. *Dadah dan pencegahannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: PAM Publication (M) Sdn. Bhd.
- Zakaria, S. 1994. *Jenayah yang berkaitan dengan dadah*. Kuala Lumpur: Pustaka Cita Tinggi.

Profil Penulis

Mohd. Ibrani Shahrinin Bin Adam Assim, PhD
Pensyarah Kanan
Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan,
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia,
43400 UPM Serdang, Selangor
ibrani@putra.upm.edu.my

Mohd. Fauzi Bin Abd. Latib
Tutor
Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan,
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia,
43400 UPM Serdang, Selangor
mflatib@putra.upm.edu.my

Mohd. Roslan Bin Rosnon
Tutor
Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan,
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia,
43400 UPM Serdang, Selangor
roslan_rosnon@putra.upm.edu.my